

## Takaful IKHLAS, UKM jalin kerjasama sedia kemudahan bekalan air bersih

Oleh [Ercy Gracella Ajos](#) - September 23, 2023 @ 8:45am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Takaful IKHLAS menjalin kerjasama dengan UKM bagi membantu meningkatkan penyaluran sumber air bersih kepada penduduk. - Foto Takaful IKHLAS

KUALA LUMPUR: Takaful Ikhlas General Berhad (Takaful IKHLAS) menjalin kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi membantu meningkatkan penyaluran sumber air bersih kepada penduduk di kawasan sekitar Politeknik Kota Bharu, Kelantan.

Menerusi kerjasama itu, Takaful IKHLAS menyumbang sebanyak RM180,500 kepada UKM melalui Yayasan Canselor dan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), bagi kerjasama penyelidikan geologi dan geofizik serta pembinaan telaga tiub dan sistem rawatan air di politeknik itu.

Takaful IKHLAS dalam kenyataan berkata, kerjasama pembinaan telaga tiub ini adalah salah satu daripada aktiviti dibawah IKHLAS Barakah House (IBH) iaitu satu inisiatif pengumpulan dana patuh syariah oleh pihaknya.

"Ia bertujuan untuk menjana pembangunan dan kelestarian masyarakat yang positif melalui bantuan kewangan dan aktiviti-aktiviti yang merangkumi pembabitan masyarakat dengan lima fokus utama iaitu pemeraksanaan bidang pendidikan, ekonomi, masyarakat, kesihatan dan juga alam sekitar.

"Sehingga ke hari ini, IBH sudahpun mengagihkan sebanyak lebih RM5 juta dan menjayakan lebih 67 inisiatif," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Takaful IKHLAS, Datuk Rudy Rodzila Che Lamin, berkata kerjasama antara Takaful IKHLAS bersama UKM adalah sebahagian daripada program Perantaraan Berasaskan

Nilai takaful (Value Based Intermediation for Takaful) dan program kelestarian masyarakat yang dapat memanfaatkan penduduk dan komuniti setempat.

"Program seperti ini juga dapat menggalakkan aktiviti penyelidikan dan kepakaran warga pendidik serta pelajar institusi pengajian tinggi di negara ini.

"Kami berharap agar kerjasama yang dijalinkan dapat memberi impak yang positif dan dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat" katanya.

Majlis penyerahan dan perasmian telaga tiub ini disempurnakan Rudy Rodzila dan disaksikan Pengarah Politeknik Kota Bharu, Mohd Fikri Ismail, serta Pengarah Yayasan Canselor UKM, Prof Ts Dr Faizal Mohamed, di Politeknik Kota Bharu, Kelantan pada 14 September lalu.